

Anwar mahu segerakan pemilihan PKR

Ipoh: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mahukan supaya pemilihan Parti Keadilan Rakyat (PKR) disegerakan.

Beliau yang juga Presiden PKR, berkata pemilihan yang dipercepatkan akan membuka ruang kerjasama antara tenaga muda dan pemimpin lama untuk berganding bahu menguruskan parti dengan lebih efektif.

Anwar berkata, keputusan untuk tidak menangguhkan pemilihan diputuskan pada Mesyuarat Biro Politik parti semalam,

memandangkan penangguhan tidak diperlukan kerana tarikh jangkaan untuk Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) masih jauh.

“Ada keperluan membina generasi dalam kalangan angkatan muda, wanita. Mereka mesti diberi lebih ruang, cabang juga begitu, jadi kita harus melihat kemungkinan menyegerakan pemilihan parti.

tetapi tidak dengan cara dahulu, hiruk-pikuk dan kacau-bilau. Kena ikut peraturan, jadi

kita sedang kaji (mekanisme pemilihan),” katanya ketika menyampaikan amanat pada majlis perasmian Konvensyen Keadilan Perak di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Besar Perak yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, Pengerusi DAP Perak, Nga Kor Ming dan Pengerusi PKR Perak Mohamad Hairul Amir Sabri.

Sebelum ini Setiausaha Agung PKR, Fuziah Salleh, dilaporkan berkata, terdapat per-

bincangan serta pandangan dikemukakan mengenai penangguhan pemilihan dibuat selepas PRU16 pada mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat (MPP).

Bagaimanapun Fuziah berkata, ia hanya perbincangan dan tiada keputusan tuntas dicapai.

Sementara itu, Anwar berkata, mesyuarat kelmarin turut memutuskan bahawa kerjasama bersama parti-parti dalam Kerajaan Perpaduan harus diteruskan, malah lebih akrab lagi terutama di Semenanjung.

Menyentuh mengenai pemerkasaan parti, Anwar berkata, asas PKR sebagai parti yang membela nasib rakyat mesti dipertahankan.

“Malah saya tegur menteri-menteri, ya betul tugas utama di kementerian, tetapi jangan lupa tidak seorang pun (menteri) diangkat kalau tiada kekuatan asas dari parti yang mendukung kita, jadi tanggungjawab turun ke bawah gilap semangat mereka (rakyat),” katanya.

BERNAMA